# Kertas Bil. 61/2015

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC – 3 APRIL DAN 6 – 9 APRIL 2015**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH SELANGOR (SELECT COMMITTEE ON RAW WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR – JPK-SAM) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PENGURUSAN AIR SELANGOR DAN PEMBEKALAN SUMBER AIR MENTAH SUNGAI SELANGOR**

**KERTAS BILANGAN 14/2015**

---

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Jawapan MMKN | | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Setuju | Tidak Setuju | |
| | | | | | tersebut perlu dipertingkatkan. |
| | | 9.5. Jawatankuasa mencadangkan supaya unit pengesanan pesalah-pesalah dan penguatkuasaan terhadap mereka dilakukan dengan lebih efektif. | √ | | LUAS telah menyediakan inventori peta potensi pencemaran di lembangan sungai sebagai langkah pengesanan awal kepada pencemaran.<br><br>Pemantauan berkala dan tidak berkala dilakukan oleh agensi berkaitan seperti LUAS, JAS dan pihak berkuasa tempatan. |
| 4 | Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Mentah (JPK-SAM), Dewan Negeri Selangor berhubung "Pengurusan Air Selangor dan Pembekalan Sumber Air Mentah Sungai Selangor" | 10.1. Kerajaan Negeri hendaklah menjalan kempen besar-besaran dan efektif untuk menggalakkan penjimatan air (*demand management*) memandangkan pada tiga tahun ini pembekalan air di Selangor adalah sangat ketat dengan margin rezab air yang rendah. | √ | | Pelaksanaan kempen jimat air sedang diselaraskan semula melibatkan semua agensi kerajaan. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi mendapatkan maklum balas dari agensi termasuk Air Selangor berkenaan kaedah kempen yang lebih berkesan. Pelancaran kempen akan diadakan pada bulan November yang akan datang. |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI SELANGOR (JPK-SAM) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Jawapan MMKN | | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Setuju | Tidak Setuju | |
| | | 10.2. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan LUAS mempercepatkan pemasangan sembilan lagi pam-pam yang telah dibeli. | √ | | Pemasangan sembilan (9) unit pam yang dibeli telah siap dipasang di kolam-kolam takungan untuk digunakan bagi operasi pengepaman kolam.<br><br>Kesemua pam telah dipasang di Kolam KL Larut secara berperingkat dah telah beroperasi. |
| | | 10.3. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan adanya sumber manusia yang mencukupi dan terlatih untuk mengoperasi pam-pam apabila menghadapi musim kering. | √ | | Buat masa ini, kakitangan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS Negeri Selangor), Lembaga Air Urus Selangor (LUAS) beserta Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) mengoperasikan kerja-kerja pengepaman air kolam takungan.<br><br>Pam yang dibeli oleh kerajaan negeri di kendalikan oleh kakitangan JPS Selangor. Sementaraa pam yang disewa |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Jawapan MMKN | | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Setuju | Tidak Setuju | |
| | | | | | dikendalikan oleh kontraktor yang dilantik. Pengoperasi pam berdasarkan kepada jadual dan keperluan yang diketuai oleh LUAS. Ianya akan diselaraskan dengan pelepasan air empangan. |
| | | 10.4. Kerajaan Negeri hendaklah bertimbang untuk membeli pam-pam yang berlebihan memandangkan pembelian pam mengambil masa yang panjang dan masalah perubahan iklim di Malaysia akan menjadi lebih serius pada masa depan. | √ | | Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan saranan ini.<br><br>Pada masa ini pembelian 10buah pam oleh kerajaan negeri adalah memadai. Kekurangan pam adalah melalui sewaan kerana mudaah untuk selenggaraan dan operasi yang mana dilakukan oleh kontraktor yang dilantik. |
| | | 10.5. Kerajaan Negeri hendaklah mengenalpasti kolam-kolam dan memastikan kualiti air kolam dikawal bukan sahaja untuk Sungai Selangor tetapi untuk sungai-sungai lain di | √ | | Pengawalan kualiti air kolam untuk kegunaan bekalan air memang dipantau oleh LUAS, JAS dan agensi kerajaan yang berkaitan bagi memastikan kualiti bekalan air mematuhi |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Jawapan MMKN | | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Setuju | Tidak Setuju | |
| | | Selangor. Ini adalah untuk memastikan adanya sumber air mentah alternatif di seluruh negeri Selangor supaya perubahan iklim tidak akan menjejaskan pembekalan air mentah di mana-mana sahaja di Selangor. | | | piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.<br><br>Kerajaan negeri telah mewartakan 19 kolam alternatif di bawah seksyen 48 Enakmen LUAS 1999 sebagai zon pelindungan. Bilangan kolam yang diwartakan akan sentiasa bertambah. Bagi Sungai Selangor, kolam ini terdapat di Bistari Jaya dan sepanjang Sungai Selangor.<br>Sementara Sungai Semenyih di kolam A, B dan C di Jenderam Hilir dan LPA Bukit Tampoi di kolam Orang Asli Bukit Tampoi. Bagaimanapun terdapat LPA utama yang tidak mempunyai kolam alternatif seperti LPA Sg Langat dan LPA Batu 11 Cheras ke tidak mempunyai kawasan yang sesuai untuk dijadikan kolam alternatif |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Jawapan MMKN | | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Setuju | Tidak Setuju | |
| | | 10.6. Jawatankuasa mencadangkan supaya catuan air dianggap sebagai sesuatu yang sangat serius dan hanya dilaksanakan sebagai langkah terakhir (last resort). Pihak yang terlibat harus bertanggungjawab untuk keputusan yang salah dalam menjalankan catuan air. | √ | | Kerajaan Negeri mengambil maklum akan saranan ini.<br><br>Jawatankuasa telah bersidang dan mencari jalan penyelesaian terhadap isu isu kekurangan bekalan air. Pelepasan air empangan adalah berdasarkan Operasi Lengkuk Empangan. Pelaksanan catuan adalah keadah terakhir setelah semua kajian dan kaedah mengatasinya di ambil seperti simpanan air empangan, cuaca, kemampuan loji, permintaan air dan sebagainya. |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan